

Headline	Lokasi Menyemarak Cinta			
MediaTitle	Kosmo			
Date	19 Sep 2013	Color	Full Color	
Section	Kosmo 2	Circulation	115,967	
Page No	33to35	Readership	406,000	
Language	Malay	ArticleSize	2351 cm ²	
Journalist	ADLAN JAAFAR	AdValue	RM 20,441	
Frequency	Daily	PR Value	RM 61,323	



MAJLIS resepsi yang berjalan lancar memerlukan perancangan yang lama dan kerja yang tersusun.



KEBANYAKAN pengambaran praperkahwinan menggunakan tema janji temu.

menunjuk romantik sebagai sepasang kekasih, tetapi tidak berlebihan," terang wanita yang bekerja sebagai guru pendidikan khas itu.

Pemilihan lokasi pengambaran sememangnya diakui dapat menaikkan mood dan memberi impak kepada tema yang dipilih.

Jalan cerita

Jurufoto perkahwinan dan potret, Jim Liaw Photography Studio, Jim Liaw, 45, berpendapat bahawa pemilihan lokasi dalam mengadakan pengambaran praperkahwinan sangat penting.

Liaw telah pergi ke banyak negara bersama-sama bakal pasangan pengantin yang mahu mengadakan pengambaran praperkahwinan seperti ke Makati, Filipina, Yogyakarta, Indonesia dan akan ke Istanbul, Turki serta Myanmar dengan tujuan yang sama.

"Lokasi yang menarik dan tidak diwujudkan mengilhamkan banyak idea bergantung kepada suasana, lokasi landskap dan masyarakat," terangnya ketika ditemui di Hotel DoubleTree by Hilton, Kuala Lumpur.



FOTO praperkahwinan selalunya dijadikan kenang-kenangan kepada pasangan. — Gambar hilasian

“Lokasi yang menarik dan tidak diwujudkan mengilhamkan banyak idea bergantung kepada suasana, lokasi landskap dan masyarakat”

Dalam karya-karya Liaw, dia mahukan setiap keping mempunyai jalan cerita dan konsep. Contohnya, ketika dia mengadakan pengambaran di Candi Sewu, Indonesia.

"Pengambaran dibuat pada pukul 6 pagi. Pengantin perempuan dengan gaun panjang berjalan ke arah candi dengan layar dilayangkan ke atas sambil pengambaran dijalankan."

"Sudah pasti untuk pengambaran sebegini, latihan beberapa kali dibuat sehingga sempurna," tutur Liaw lagi yang gemar bermain dengan warna alam semula jadi.

Biarank sifat keanak-anakan dalam diri anda bebas, ungkap Liaw sambil memberitahu, sifat itu boleh membuatkan juru foto menjadi lebih kreatif dan berani mencuba pelbagai idea yang bermain dalam fikirannya.

Liaw berpengalaman dalam bidang fotografi kira-kira dua dekad dan mempunyai dua buah studio di London dan Kuala Lumpur serta bakal membuka cawangan baharu di Australia.

Ujarnya, lokasi pengambaran sebenarnya boleh dilakukan di mana-mana pun waima di belakang rumah selagi seorang juru foto itu mengetahui dengan jelas mengenai konsep, pemilihan masa dan alatan yang dimiliki.

Namun, tempat yang cantik dan terbaik daripada lokasi tempat yang pernah dilawati oleh Liaw ialah New Zealand dan Maghribi.

Menurutnya, New Zealand terutamanya di bahagian South Island mempunyai banyak tempat yang menarik dengan landskap flora dan fauna yang pelbagai, sementara Maghribi menampilkan persekitaran yang mencabar dan memukau.

Liaw turut berkongsi tip untuk mengadakan sesi fotografi praperkahwinan. Antaranya, adakan pengambaran seawal pagi antara pukul 6 hingga 9 pagi atau sekitar pukul 5.30 hingga 7.30 petang.

Masa tersebut adalah yang terbaik untuk pencahanayaan dan keadaan bandar pada ketika itu kosong serta sepi.

INFO Fotografi

Antara tempat-tempat unik untuk sesi fotografi

- Hutan Simpan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kuala Lumpur



JAMBATAN gantung di Hutan Simpan FRIM.


- Kuala Lumpur Performing Arts Centre (KLpac)
- Philea Resort & Spa, Melaka

Luar Negara

- Macau
- Greek
- Paris
- Istanbul



BANGUNAN KLpac tampak eksotik.



MACAU antara bandar romantis di Asia.

Peluang membuat pengambaran di Istanbul

BUAT kali kedua, Hotel DoubleTree by Hilton Kuala Lumpur menganjurkan kempen perkahwinan, *Memories to Last a Lifetime* dari 1 Oktober hingga 15 November 2013.

Dalam tempoh tersebut, lima pasangan yang membuat tempahan untuk majlis perkahwinan di hotel itu berpeluang mendapat trip berbulang madu ke Istanbul, Turki yang kesemuanya bakal ditanggung termasuk sesi fotografis praperkahwinan.

Syarat penyertaan ialah tarikh perkahwinan mestilah diadakan sebelum atau pada 31 Disember 2014.

"Misi kami adalah untuk memasarkan perkahwinan di sini satu majlis yang sempurna dan penuh bermakna bagi pasangan."

"Pada masa yang sama, kami ingin



ISTANBUL bakal menjadi lokasi bagi lima pasangan dengan tempahan tertinggi.

menyediakan atmosfera majlis yang menakjubkan dalam kalangan keluarga dan sahabat handai pasangan yang hadir," kata Pengurus Besar hotel itu, Ian Barrow pada majlis pelancaran kempen itu.

Antara organisasi yang terlibat dalam kempen tersebut adalah Turkish Airlines, CIMB Bank Credit Cards, Hotel DoubleTree by Hilton Istanbul Moda dan Jim Liaw Photography Studio.